THE RESIDENCE OF THE PROPERTY OF THE PROPERTY

Celakalah aku, jika aku tidak memberitakan Injil. Kalau andai kata aku melakukannya menurut kehendakku sendiri, memang aku berhak menerima upah. Tetapi kerana aku melakukannya bukan menurut kehendakku sendiri, pemberitaan itu adalah tugas penyelenggaraan yang ditanggungkan kepadaku. Kalau demikian apakah upahku? Upahku ialah ini: bahawa aku boleh memberitakan Injil tanpa upah ...

1 Korintus 9: 16-19

Februari 4, 2024

www.heraldmalaysia.com

Pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Orang Sakit Sedunia ke-32, Februari 11, 2024



TAKHTA SUCI: "Tidak baiklah, kalau manusia sendirian" (lih. Kej 2:18) merupakan tema pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Orang Sakit Sedunia kali ke-32, yang dirayakan pada Febuari 11, pada tahun ini. Berikut merupakan singkatan pesan Bapa Suci yang meneroka kepentingan asas dan kuasa penyembuhan hubungan kita dengan orang lain dan dengan Tuhan.

Kita dicipta untuk hidup bersama

Sejak mula, Tuhan adalah Kasih, menciptakan kita untuk persekutuan; oleh itu, sejak lahir kita dikarunia kemampuan untuk membangun relasi dengan sesama.

Kehidupan kita, yang merupakan gambaran Tritunggal, akan mencapai kepenuhannya melalui jalinan relasi, persahabatan dan cintakasih, sama ada dengan memberi mahupun menerima.

Kita diciptakan untuk hidup bersama, bukan bersendirian atau seorang diri. Kerana rancangan persekutuan ini berakar kuat di dalam hati manusia, maka pengalaman ditinggalkan dan sendirian sungguh adalah sesuatu yang menakutkan, menyakitkan dan bahkan tidak manusiawi. Apatah lagi jika hal ini berlaku semasa kita dalam keadaan lemah, ketidakpastian dan menderita akibat penyakit yang serius.

Dalam hal ini, saya memikirkan semua orang yang merasa sangat sendirian semasa pandemik Covid-19: para pesakit yang tidak dapat dikunjungi, juga para perawat, doktor dan kakitangan kesihatan yang keletihan bekerja dan terkurung di ruang isolasi. Tentu

saja, kita pasti ingat semua orang yang harus menghadapi saat kematiannya sendirian, yang hanya dibantu oleh petugas kesihatan, namun jauh dari keluarganya sendiri.

Budaya individualisme bukan budaya Gereja

Saya juga ikut merasakan kepedihan, penderitaan dan keterasingan yang dirasakan oleh mereka yang menderita kerana peperangan. Perang adalah penyakit sosial yang paling mengerikan dan menyebabkan korban paling besar.

Pada saat yang sama, bahkan di negara-negara yang menikmati perdamaian dan sumber daya yang lebih besar, orang-orang yang lanjut usia dan sakit seringkali mengalami kesunyian bahkan, ditinggalkan serta diabaikan.

Realiti yang suram ini disebabkan oleh budaya individualisme yang lebih mengagungagungkan produktiviti, sikap acuh tak acuh, bahkan tidak berperasaan terhadap individu yang tidak lagi memiliki kekuatan yang diperlukan

Individualisme melahirkan budaya membuang, di mana "manusia tidak lagi dipandang sebagai nilai terpenting yang harus diperhatikan dan dihormati, terutama ketika mereka dalam keadaan miskin atau cacat, 'atau dipandang belum berguna' – seperti bayi dalam kandungan, atau 'tidak lagi diperlukan' – seperti orang tua" (*Fratelli Tutti, 18*).

Sungguh malang berfikiran seperti itu yang biasanya disebabkan pengambilan keputusan politik tertentu yang tidak berpusat pada martabat manusia serta tidak menyokong strategi dan sumber daya yang diperlukan untuk memastikan bahawa setiap manusia menikmati hak asas terhadap kesihatan dan akses terha-

dap layanan kesihatan.

Ketidakpedulian pada golongan lemah dan meminggirkan menjadikan mereka semakin parah lebih-lebih lagi apabila pelayanan kesihatan dan "perjanjian terapeutik" antara doktor, pesakit dan anggota keluarga — tidak diperhatikan.

Sebaiknya kita sekali lagi mendengarkan kata-kata dalam Alkitab, "Tidak baik, kalau manusia itu sendirian!" Tuhan menyampai-kan firman tersebut pada awal penciptaan dan dengan demikian mengungkapkan kepada kita makna mendalam dari rancangan-Nya bagi umat manusia, namun pada saat yang sama, luka dosa yang mematikan, yang menjalar dengan menimbulkan kecurigaan, keretakan, perpecahan yang mengakibatkan keterasingan.

Dosa menyerang manusia dan seluruh relasi mereka: dengan Tuhan, diri sendiri, orang lain, dan ciptaan. Keterasingan seperti ini menyebabkan kita kehilangan makna hidup kita; keterasingan menghilangkan kegembiraan cinta dan membuat kita mengalami perasaan menyendiri yang menyesakkan di semua bahagian penting kehidupan.

Kedekatan dapat merawat mereka yang sakit

Saudara-Saudari, bentuk perawatan pertama yang diperlukan dalam penyakit apapun adalah kedekatan yang berbelaskasihan dan penuh kasih sayang.

Oleh kerana itu, merawat orang sakit bererti merawat semua relasi: dengan Tuhan, dengan orang lain – anggota keluarga, teman, petugas kesihatan – dengan ciptaan, dan dengan diri mereka sendiri. Dapatkah ini dilakukan?

Ya, hal itu dapat dilakukan dan kita semua

dipanggil untuk memastikan hal itu terjadi. Mari kita melihat gambaran Orang Samaria yang Baik Hati (bdk. Luk 10:25-37), yang mampu merendah diri dan mendekatkan diri pada orang lain, sikap kasih serta lembutnya dalam merawat luka-luka saudaranya yang menderita.

Marilah kita ingat kebenaran utama dalam hidup ini: kita lahir ke dunia ini kerana seseorang menyambut kita; kita diciptakan untuk cinta kasih; dan kita dipanggil untuk persekutuan dan persaudaraan.

Aspek kehidupan kita inilah yang menopang kita, terutama pada saat sakit dan lemah. Ini juga merupakan terapi pertama yang harus kita terapkan untuk menyembuhkan penyakit masyarakat tempat kita tinggal.

Orang sakit, lemah adalah inti pastoral Gereja

Kepada kalian semua yang sedang mengalami penyakit, sementara mahupun kronik, saya ingin mengatakan ini: Jangan malu dengan kerinduan anda akan kedekatan dan kelembutan! Jangan menyembunyikan kerinduan itu, dan jangan pernah menganggap diri anda menjadi beban orang lain. Keadaan orang sakit mendesak kita semua untuk berundur dari kesibuk an dan memperbaiki kemanusiaan kita!

Orang sakit, kaum lemah dan orang miskin adalah jantung Gereja; Mereka harus menjadi pusat perhatian kemanusiaan dan pastoral kita. Semoga kita tidak pernah melupakan ini! Dan marilah kita membawa kepada Maria Yang Mahakudus, Ratu Kesihatan Orang Sakit, agar Bonda Maria berkenan menjadi perantara bagi kita dan membantu kita menjadi orang yang memulakan persaudaraan! — media Vatikan

Bersatu kita teguh

Selama bertahun-tahun saya menulis ruangan ini, saya jarang menyebut fakta bahawa saya adalah anggota dalam sebuah ordo religius, *Missionary Oblates of Mary Immaculate*.

Meskipun saya jarang menyebutnya tidak bermakna saya tidak menghargai kerana menjadi *Oblate of Mary Immaculate* adalah sesuatu yang saya cukup banggakan.

Walau bagaimanapun, saya jarang menyatakan ordo saya, serta jarang menulis akan keimamatan saya dan sebagai ahli ordo religius adalah kerana saya percaya apa yang saya tulis di sini dan di tempat lain adalah melangkui pelbagai tajuk.

Dalam ruangan ini, bagaimanapun, saya ingin bercakap tentang pengasas *Missionary Oblates of Mary Immaculate*, Santo Eugene de Mazenod, kerana apa yang dia katakan tentang pemuridan dan kerohanian Kristian adalah sesuatu yang bernilai dan penting untuk semua orang, seperti warisan yang telah ditinggalkan oleh pengasas agama hebat yang lain seperti Bernard, Francis, Dominic, Angela Merici, Ignatius of Loyola, Vincent de Paul, dan lain-lain.

Sto Eugene de Mazenod (1779-1861) ialah uskup Perancis yang seperti dalam novel terkenal Perancis, digambarkan seorang uskup bangsawan.

Dia adalah seorang lelaki yang berperibadi tegas, introvert, berprinsip teguh, mistik dan sentiasa yakin dengan fikirannya.

Beliau bukanlah individu yang akan dipilih oleh kebanyakan orang untuk duduk di sampingnya dan berbual ringan semasa makan malam tetapi jelas, dia adalah seseorang yang sering menjadi pilihan pertama Tuhan untuk mengasaskan ordo religius.



Apa yang kita impikan sendirian tetap sebuah mimpi, apa yang kita impikan dengan orang lain boleh menjadi kenyataan! — Sto Eugene de Mazenod.

Soren Kierkegaard pernah menyatakan bahawa *menjadi seorang kudus adalah dengan orang yang berkehendak tinggi terhadap satu perkara*.

Eugene de Mazenod adalah individu seperti itu. Dan perkara utama serta tunggal yang selalu dipraktikkannya, yang diterapkan dalam beberapa elemen kehidupan, telah menjadi asas kepada kerohanian yang sangat kaya dan seimbang.

Apa yang ditekankan oleh Eugene de Mazenod ialah beberapa aspek penting dalam kemuridan Kristian yang sering diabaikan hari ini.

Apakah yang membentuk kerohanian dan karisma Eugene de Mazenod?

Pertama, beliau menekankan "komuniti". Baginya, kehidupan yang baik bukan sekadar pencapaian individu, kesetiaan, malah kehebatan; ia adalah kehidupan

yang menghubungkan dirinya dengan kuasa yang wujud dalam masyarakat.

Dia sangat percaya pada pepatah ini: apa yang kita impikan sendirian tetap mimpi, apa yang kita impikan dengan orang lain boleh menjadi kenyataan!

Pada pandangannya, belas kasihan hanya menjadi berkesan apabila ia menjadi kolektif, apabila kita keluar dari kumpulan dan bukannya sendirian.

Dia percaya bahawa usaha sendirian memang boleh membuat sesuatu yang baik atau terkenal tetapi bukan perubahan.

Santo itu mengasaskan ordo religiusnya berdasarkan keyakinan dan pendirian teguh tersebut.

Dalam menghadapi pelbagai isu yang dihadapi dunia dan Gereja hari ini, jika seseorang bertanya kepadanya, "Apakah satu-satunya perkara yang boleh saya lakukan untuk membuat perubahan?"

Dia akan menjawab: Hubungkan diri anda dengan orang lain dengan kemahuan yang tulus dalam komuniti, di sekeliling peribadi Kristus.

Dengan hidup sendirian atau melakukan sesuatu perkara seorang diri, anda tidak boleh menyelamatkan dunia. Bersatu kita teguh dan kita boleh!

Kedua, beliau percaya bahawa kerohanian yang sihat adalah gabungan kontemplasi dan keadilan.

Berdasarkan sensitiviti kontemporari kita, ungkapan beliau tentang ini mungkin janggal tetapi prinsip utamanya adalah sangat benar hinggalah ke hari ini: hanya tinggal di rumah dan berdoa tidak akan mengubah sesuatu.

Kita harus berakar dalam doa dan keluar memasuki komuniti barulah kenabian serta penginjilan itu akan benar-benar kenabian dan berkesan.

Sebaliknya, dengan gabungan doa komuniti dan peribadi yang baik, ia akan memandu tindakan kita khususnya dalam aksi kita untuk memperjuangkan keadilan dan menolong orang miskin.

Ketiga, dalam kehidupan peribadinya dan kerohanian, dia dengan tegas mengutamakan orangorang miskin.

Dia melakukan ini bukan kerana ia adalah perkara yang betul demi kepentingan politik, tetapi ia adalah perkara yang betul untuk dilakukan dan seruan dari Injil.

Katanya, mementingkan kaum miskin adalah tuntutan Injil dan ia tidak boleh diremehkan. Kepercayaannya sederhana sahaja: sebagai umat Kristian, kita dipanggil untuk bersama dan bekerja dengan mereka yang tidak mahu bersama dan bekerjasama dengan orang lain.

Baginya, apa-apa ajaran atau

tindakan yang berlawanan dengan berita baik untuk orang miskin tidak boleh mendakwa mereka bercakap untuk Yesus atau untuk kitab suci.

Keempat, dia meletakkan semua usaha, fikiran dan ordo yang diasasnya di bawah perlindungan bonda Yesus, Maria, yang dilihatnya sebagai pembela orang miskin.

Dia menyedari bahawa orang miskin selalu berdoa kepada bonda Maria kerana Santa Perawan itulah yang memberi suara kepada Magnificat.

Kelima, dalam kehidupannya sendiri dan dalam cita-cita yang dikemukakannya, dia membawa bersama dua kecenderungan yang kelihatan bercanggah: cinta yang mendalam terhadap institusi Gereja dan keupayaan untuk mencabar Gereja.

Dia mengasihi Gereja, percaya bahawa ia adalah perkara yang paling mulia, yang mahu melindunginya sehingga mati; tetapi pada masa yang sama, dia tidak takut untuk menunjukkan secara terbuka kesalahan Gereja atau mengakui bahawa Gereja memerlukan cabaran berterusan dan kritikan ... dan dia adalah salah seorang yang selalu mencabar dan mengkritik Gereja!

Personalitinya sangat berbeza dengan saya. Mungkin, jika saya dan dia bertemu, kami tidak akan menyukai satu sama lain. Tetapi ia tidak menghalang saya untuk mengkaguminya.

Saya bangga dengan peninggalan dan warisannya, bangga menjadi salah seorang anak lelakinya dan cukup yakin dengan kerohaniannya sehingga saya sanggup menyerahkan hidup saya untuknya. — Fr Ron Rolheiser @ Hakcipta Terpelihara 1999-2024

Doa, sumber baik untuk segala sesuatu

Di hadapan Basilika Agung Santo Petrus di Roma, Sri Paus Santo Yohanes Paulus II pernah ditembak oleh seorang pembunuh upahan Turki.

Selepas beberapa ketika selepas ditembak, Sto Yohanes Paulus II menulis Surat Apostolik yang berjudul "Salvifici Doloris" atau "Penderitaan yang menyelamatkan"

Sto Yohanes Paulus II menulis, "Menderita bererti khusus menerima atau secara khusus menjadi terbuka terhadap karya kekuataan Tuhan, yang menyelamatkan, yang diberikan kepada umat manusia dalam Kristus" (SD 23).

Keadaan sakit atau penderitaan membuka bagi kita suatu hubungan antara kita dan Yesus di salib, suatu hubungan komunikasi yang istimewa.

Orang beriman yang sakit bukanlah seorang anggota Gereja yang pasif, sebaliknya warga Gereja yang sangat berharga! Sebab bagi Tuhan, bila kita sehari menderita dengan sabar dan tabah, itu dapat lebih berharga daripada kegiatan apa pun.

Orang sakit memang memerlukan perhatian, pelayanan, perawatan dengan kehadiran seseorang dan bantuan perubatan.

Namun, seseorang yang sakit amat dan lebih memerlukan HARAPAN. Tidak ada ubat yang dapat menyembuhkan penyakit selain kata-kata, "Saya amat berharap, anda akan sembuh!"

Saya percaya, ucapan penuh harapan itu, sama ada daripada doktor atau pelawat, merupakan "oksigen" mujarab bagi si pesakit!

Orang sakit tidak boleh diperlakukan sebagai objek, jangan dibiarkan dan ditinggalkan sendirian.

Kita ingat akan kata-kata Yesus, yang berbicara tentang pengadilan terkahir, Ketika aku sakit, kamu melawat Aku" (Mat 25:36), dan "Ketika Aku sakit dan dalam penjara, kamu tidak melawat Aku" (Mat 25:43).

Sikap dan perlakuan kita terhadap sesama adalah perlakuan kita terhadap Yesus Kristus sendiri!

Bila ada orang sakit, kita harus mengusahakan untuk menghan-

tarnya ke hospital dan pada masa yang sama, kita juga harus berdoa baginya.

Dalam Injil juga diceritakan bahawa orang-orang sakit memang disembuhkan, tetapi itu kerana ada orang yang menolong dan membawa mereka kepada Yesus.

Orang-orang itu menolong orang sakit dengan memohon penyembuhan kepada Yesus.

Dan berikut adalah doa sederhana yang dapat kita gunakan seperti permohonan dua beradik, Marta dan Maria kepada Yesus, ketika Lazarus saudara mereka sakit: "Tuhan, dia yang Engkau kasihi, sakit" (Yoh 11:3). Doa itu sangat pendek, namun keluar dari hati penuh iman. Dan berhasil!

Ada juga orang berpendapat bahawa penyakit dan penderitaan berkaitan erat dengan dosa.

Tetapi kenyataannya banyak orang yang baik dan saleh juga menderita, dan ramai juga orang yang ketara menjalani kehidupan yang bertentangan dengan Injil tetapi hidup nyaman serta selesa!

HARI MINGGU BIASA LIMA (TAHUN B)

Ayub 7:1-4.6-7; 1 Korintus 9:16-19.22-23; injil Markus 1:29-39;

Yesus mengubah pandangan tentang dosa dan penyakit. Dalam Injil dinyatakan ketika Dia mengusir syaitan dan menyembuhkan orang-orang sakit, di situ dikatakan, "Dialah yang memikul kelemahan kita dan menanggung penyakit kita" (Mat 8:17).

Nah, di dalam Injil itu diwartakan kepada kita sebuah Khabar baharu iaitu Khabar Gembira bahawa salib di mana Yesus tergantung membawa erti baharu tentang penyakit dan penderitaan yang dialami manusia bukanlah hukuman, melainkan sebagai penebusan dan pembebasan seperti dialami Yesus.

Penyakit yang kita alami atau deritai menyatukan kita dengan

Yesus, yang menguduskan dan memurnikan jiwa kita.

Kita masing-masing dan bersama-sama memang harus mengusahakan sebanyak mungkin penyembuhan dan pembebasan diri kita dari penyakit dan penderitaan.

Namun dengan iman dan doa ikhtiar kita itu, harus kita lihat dan kita hayati juga sebagai persiapan untuk menyambut kedatangan suatu saat, suatu hari, di mana air mata penderitaan kita tidak akan mengalir lagi.

Di situ penyakit ataupun penderitaan tidak akan ada lagi. Kita akan bangkit seperti Yesus.—

Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, iman Katolik

Pesta Sto Paulus Pertapa: iman timbul dari pendengaran

BESTARI JAYA: Dengan tema, "Berfirmanlah ya Tuhan, hambamu mendengar," Gereja Sto Paulus Pertapa, sekali lagi menyambut pesta paroki dengan meriah.

Misa dipimpin oleh Fr Gnana Selvam dan juga paderi paroki, Fr James Gabriel.

Berdasarkan tema yang dipetik dari 1 Sam 3:1-10, Fr Gnana Selva menyampaikan homili yang sangat menarik.

itu mengongsikan tiga Paderi garis panduan dalam mewartakan Khabar Gembira kepada semua umat iaitu semangat perpaduan, pemuridan dalam Kristus dan sikap mendengar.

Semangat perpaduan

Fr Gnana Selvam menyeru kepada

semua umat bahawa perpaduan bukan sahaja dipupuk pada hari perayaan tetapi semasa menjalani kehidupan sebagai satu tubuh seperti yang dinyatakan pada bacaan pertama hari tersebut, 1 Korintus12:12.

Semangat perpaduan boleh disemai dalam pelbagai karya pelayanan, melalui aktiviti-aktiviti kerohanian, semasa mewartakan Khabar Gembira, melalui semangat saling tolong menolong khususnya kepada golongan miskin dan sakit.

Pemuridan dalam Kristus

Dalam hal pemuridan, Fr Gnana mengajukan soalan bagaimana kita dapat melayani Gereja di tengahtengah pelbagai cabaran yang getir?

Paderi itu menceritakan pengalamannya semasa di Sarawak bahawa meskipun mengadakan Misa di tempat tertentu adalah sukar tetapi semangat umat di tempat-tempat terpencil itu sangat mengkagumkan kerana mereka mengutamakan doa serta semangat mewartakan Injil.

Iman timbul dari pendengaran, dan pendengaran oleh firman Kristus (Roma 10:17).

Iman kita pasti terpelihara apabila kita mendengar dengan telinga hati untuk mendengar kebenaran firman

Paderi paroki yang gembira melihat kehadiran umat yang menggalakkan mengajak mereka untuk bertekun dalam doa serta menjadi teladan iman yang baik kepada Christopher Charles



Upacara menaikkan banting Sto Paulus Pertapa di Bestari Jaya.

Uskup Cornelius menerima cenderahati daripada AJKT MPP dan Pengerusi- ukuran lima dalam satu diadakan di pengerusi Zon.

Msgr Gilbert Lasius, paderi paroki KSFX yang baharu

KENINGAU: Bermula awal bu- Xavier (KSFX) bagi menyambut lan Januari 2024, ramai klerus di Keuskupan Keningau memulakan pelayanan mereka di paroki baharu selepas pengumunan Uskup Cornelius Piong tentang pertukaran para klerus pada Oktober 28, 2023 dan berkuat kuasa Januari 1, 2024.

Pada Januari 7 lalu, majlis ke- sy-Dewan MPP, Katedral St Francis Msgr Gilbert Lasius sebagai rektor paderi KSFX dan Fr Bede Anthonius, paderi pembantu paroki KSFX.

Turut diraikan ialah farewell untuk Fr Lazarous Uhin yang diutus menjadi paderi pembantu paroki St Valentine, Beaufort dan majlis penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Tinggi Majlis Pastoral Paroki (MPP) KSFX sesi 2019-2023 serta meraikan Ahli Jawatankuasa Tinggi MPP KSFX bagi sesi 2024-2026 yang diketuai oleh Sdri Nancy Nelly Joneh.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Uskup Cornelius Piong, Fr David Gasikol, Fr Appolonius Yakis, Fr Joseph Gapitang dan seorang paderi pelawat dari Keuskupan Sintang Indonesia, Fr Ferdinandus Soeka dari Keuskupan Sintang, Indonesia. — Melty Paulus

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD 5, Jalan Robertson, **50150** Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:

liza@herald.com.my

Berapa lama kehadiran Yesus dalam Ekaristi selepas kita menyambut komuni?

ehadiran Sebenar" Kristus tidak berakhir Setelah kita menerimanya pada Misa di bawah rupa roti dan anggur."

Harta besar Gereja Katolik adalah Ekaristi — Yesus sendiri tersembunyi di dalam rupa roti dan

Seperti yang dinyatakan oleh Katekismus Gereja Katolik (KGK) bahawa "Dalam sakramen Ekaristi yang paling diberkati 'tubuh dan darah, bersama dengan jiwa dan keilahian, Tuhan kita Yesus Kristus dan, itu, Ekaristi dikatakan sebagai puncak kehidupan Gereja, kesempurnaan kehidupan rohani dan arah tujuan dari segala sakramen Gereja. (CCC 1374).

tidak berakhir serta-merta setelah kita menerima

KGK juga ada menyatakan kehadiran Kristus dalam Ekaristi bermula dari saat konsekrasi sehingalah selama rupa Ekaristi itu ada (KGK 1377).

Berapa lamakah Kehadiran Sebenar Yesus kekal dalam tubuh kita selepas menerima komu-

Untuk menjawab soalan ini, mari kita baca kisah dari Sto Philip Neri.

Pada suatu hari, semasa beliau sedang merayakan Misa, seorang lelaki menerima komuni dan meninggalkan Gereja lebih awal. Lelaki itu

nampaknya tidak menghiraukan Kehadiran Yesus dalam dirinya dan oleh itu Sto Philip Neri memutuskan untuk menggunakan peluang ini untuk 'mengajar' lelaki tersebut.

Sto Philip menghantar dua budak lelaki altar dengan menyalakan lilin untuk mengikuti lelaki itu di luar Gereia.

Selepas beberapa ketika berjalan di kota Roma, lelaki itu berpaling dan mendapati dua pelayan altar sambil memegang lilin bernyala masih mengi-

Lelaki itu kehairanan dan kembali ke Gereja lalu bertanya kepada Sto Philip Neri mengapa beliau menghantar dua budak pelayan altar itu untuk

Sto Philip Neri menjawab, "Kita harus memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Tuhan yang kamu bawa pergi bersama kamu. Oleh kerana kamu lalai untuk berdoa dan menghormati Dia, saya menghantar dua pelayan altar untuk menggantikan tempat kamu."

Lelaki itu terkejut mendengar jawaban tersebut dan berazam untuk lebih menghormati kehadiran Tuhan pada masa hadapan.

Secara umumnya diandaikan bahawa roti Ekaristi kekal selama kira-kira 15 minit selepas diterima atau dimakan.

Ini berdasarkan biologi asas dan mencerminkan



pernyataan Katekismus bahawa kehadiran Kristus "bertahan selagi spesies atau rupa Ekaristi masih


Inilah sebabnya mengapa ramai para santo mengesyorkan untuk berdoa selama 15 minit selepas menerima Ekaristi sebagai kesyukuran kenada Tuhan. Ini membolehkan jiwa menikmati kehadiran Tuhan dan menikmati waktu "hati-ke-hati" yang benar dengan Yesus.


Dalam dunia kita yang serba pantas, selalunya sukar untuk kekal lama berada di Gereja selepas Misa. Oleh itu, gunakanlah masa selepas menerima komuni itu untuk berdoa bersungguhsungguh.

Perkara utama perlu kita ingati ialah kehadiran nyata Yesus dalam Ekaristi kekal bersama kita dan memberikan kita peluang bersama-Nya secara istimewa. Gunakanlah masa itu untuk berkomunikasi dengan Tuhan kita dan merasakan kasih-Nya dalam diri kita. — Aleteia

Scheballe Recall Resus


Antara iman, pengharapan dan kasih, manakah yang paling besar di antaranya? Bongkar kod rahsia di bawah untuk mencari jawabannya.














Hello adik-adik,

Dalam pembacaan Hari Minggu biasa ke Iima, kita dapat membaca bahawa Yesus banyak membuat pelayanan.

Dia menyembuhkan ibu mertua, berdoa dan menyembuhkan ramai orang sakit dan yang kerasukan syaitan.

Selain itu, Yesus juga membawa pengikut-pengikut-Nya untuk ke kota-kota lain. Menga-pa? Supaya umat di kota-kota lain juga dapat didoakan dan disembuh-kan oleh Yesus.

Bagaimana Yesus melakukan banyak perkara ini? Antie yakin, sumber kekuatan Yesus adalah dari doa-Nya.

Lihat, Yesus adalah Putera Tuhan yang tidak berdosa tetapi



Dia tetap berdoa.

Yesus berdoa ketika awal pagi. Ini adalah teladan terbaik untuk kita iaitu memulakan hari dengan berdoa kepada Tuhan.


Adik-adik, mari kita jadikan sikap berdoa sebelum ke sekolah, ketika bangun pagi atau sebelum tidur kerana doa adalah sumber segala sesuatu!

Salam Sayang Antie Melly

Cari perkataan tersembunyi

NAMABMHIM
VGEMBALAKU
TBHAHIJAUI
MENYEGARKAN
KEKURANGAN
JKQWRTASMK
TENANGHZOIP
QXVBJIWAKUM
PTUMBUNGHO
KMENUNTUNI
QJALANFSUJH





Cari 12 perbezaan pada gambar di bawah







Komisi Belia Miri anjur pujian penyembahan *Fresh Fire*

MIRI: Komisi Belia Keuskupan Miri (MiDYC) dengan kerjasama Brother Jude Antoine dan Kasih House of Missionaries (KHOM) mengadakan program Fresh Fire Praise and Worship pada Januari 13 lalu yang dihadiri lebih 600 umat di Gereja St Dominic and Rosary, Taman Tunku.

Program ini bermatmenghimlamat punkan umat bagi mengeratkan semangat persaudaraan tanpa mengira umur, bangsa dan latar belakang pekerjaan melalui

penyembahan muzik.

Acara dimulakan dengan penerangan dariapda pengacara majlis tentang program serta memperkenalkan Sdra Jude Antoine dan rombongan KHOM.

Seterusnya acara diteruskan dengan pujian dan penyembahan yang dip-

impin oleh belia St Dominic. Pada akhir program, penganjur menyampaikan cenderahati berupa rantai manik bermotifkan tradisional Ulu Orang kepada Sdra Jude dan rombongan. Andrian Enggkin

MAJLIS PENGHARGAAN UNTUK BELIA DAN PELAYAN ALTAR



Para pelayan altar dan belia aktif sepanjang 2023 diberi penghargaan. Gambar: Today's Catholic

SERIAN: Bersama beberapa orang seminarian dari Kolej Sto Petrus, Pelayanan Belia dan Pelayan Altar paroki St Theresa telah mengadakan Majlis Penghargaan kepada para belia dan pelayan altar yang telah bertungkus-lumus menjayakan setiap aktiviti dan program yang dianjurkan sepanjang tahun 2023

Paderi Penasihat Belia Paroki, Fr Robert Jissem menyuarakan harapan agar belia paroki meneruskan pelayanan mereka dengan penuh semangat dalam apa juga aktiviti mahupun program yang diadakan sepanjang tahun 2024. Majlis Penghargaan itu diisi dengan beberapa perkongsian panggilan kepaderian dan religius. — *Danny Jerry*

YOUCAT versi baharu: Kristus adalah password kehidupan sukacita!

ROMA: "Membaca Injil, berdoa dengan tekun, dan mempelajari katekismus dengan penuh semangat membantu kita untuk 'mentransformasi' hati dan fikiran kita mata, perasaan dan sikap yang menyerupai Yesus."

Demikian ulasan positif Bapa Suci Fransiskus terhadap edisi baharu YOUCAT, yang diterbitkan dalam akhbar Itali *La Stampa*, baru-baru ini.

Sri Paus Fransiskus menggalakkan kaum muda untuk mempelajari Katekismus Belia Gereja Katolik, dan memperingatkan mereka bahawa cinta adalah sebab sebenar kita beragama Kristian.

"Cinta adalah sebab utama kewujudan Gereja," kata Sri Paus. "Saya berbicara, pertama-tama, tentang kasih kelembutan dan belas kasihan yang Tuhan bagi setiap manusia dan ini diteguhkan oleh Yesus yang menyatakan cinta-Nya kepada kita melalui kehidupan, kematian dan kebangkitan-Nya."

Setiap daripada kita diajak untuk membalas kasih Tuhan dengan melayani saudara dan saudari kita.

Sukacita mengenali Yesus dan memperkenalkan Dia

Bapa Suci Fransiskus mengimbas kembali ensiklik *Deus Caritas Est* karangan Sri Paus Benediktus XVI bahawa kehidupan Kristian kita mengalir daripada pertemuan dengan Yesus, yang memberikan kehidupan kita ufuk dan hala tuju baharu.

Pada masa yang sama, kita mesti mengenal Dia, mencintai-Nya dengan sungguh-sungguh dan membuat Dia dikenali.

"Ini, sebenarnya, kegembiraan sejati penginjilan: kegembiraan membawa ke seluruh dunia cinta seseorang kepada Yesus," kata Sri Paus.

"Buku indah Katekismus Belia Gereja Katolik adalah lahir dari cinta yang sedemikian: cinta kepada Yesus yang kita bawa dalam diri sendiri dan disebarkan pada sesama"

Bapa Suci menjelaskan bahawa YOUCAT adalah berdasarkan Katekismus Gereja Katolik yang diterbitkan pada tahun 1992, tetapi disampaikan dalam gaya dan irama serta ditujukan kepada golongan muda.

Sangti Papa Fransiskus menjemput pembaca muda untuk "mencintai buku ini, kerana ia adalah buah cinta."

"Anda akan mendapati bahawa ia tidak mempunyai niat lain, selain untuk membangkitkan atau membangunkan semula dalam diri anda, cinta yang besar kepada Yesus," ujar Sri Paus Fransiskus.

Sri Paus menggesa kaum muda mempelajari katekismus untuk mempelajari lebih lanjut tentang Yesus dan memahami dengan lebih baik pesan kasih serta rancangan-Nya untuk kehidupan kita.

Katanya, rahsia untuk mengekalkan hubungan kita dengan Yesus adalah untuk mempertimbangkan "jika Yesus di tempat




Belia Katolik di seru untuk mempelajari Youcat - buku katekismus dalam nada orang muda yang memperkenalkan Krisus sebagai sumber sukacita!

saya, apakah yang Dia akan lakukan?"

"Inilah kata laluan atau password untuk kehidupan yang benar-benar 'hidup' dan menggembirakan: untuk melihat dan menilai apa yang berlaku kepada kita dan membuat keputusan mengikut kehendakNya, kata Sri Paus Fransiskus.

Tegasnya, dengan menggabungkan pembelajaran YOUCAT dengan doa yang kerap, kaum muda boleh belajar melihat dunia dan peristiwa harian dengan mata Yesus! — media Vatikan

Al tidak akan pernah dapat ganti kebijaksanaan hati manusia



Secanggih mana pun AI, ia tidak dapat menggantikan kebijaksanaan hati manusia — Sri Paus Fransiskus.

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus telah mengeluarkan pesan untuk Hari Komunikasi Sosial (Komsos) Sedunia 2024 dengan tema: Kecerdasan Buatan dan Kebijaksanaan Hati: Ke Arah Komunikasi Manusia Sepenuhnya.

Hari Komsos diraikan pada Mei 12 setiap tahun. Tema tahun ini berkait rapat dengan perutusan Sri Paus untuk Hari Keamanan Sedunia yang menumpukan kepada pembangunan sistem kecerdasan buatan (AI).

AI "mempengaruhi dunia maklumat dan komunikasi secara radikal, dan melaluinya, asas kehidupan tertentu dalam masyarakat," kata Sri Paus Fransiskus dalam mesej Hari Komunikasinya, sambil menambah bahawa "perubahan ini memberi kesan kepada semua orang."

"Bagaimana kita boleh kekal sebagai manusia sepenuhnya dan membimbing transformasi budaya ini untuk mencapai tujuan yang baik?"

Dalam menjawab soalan ini, Bapa Suci menyatakan bahawa "pada masa ini dalam sejarah, dengan risiko menjadi kaya dalam teknologi tetapi miskin dalam kemanusiaan. Oleh itu, renungan kita mesti bermula dengan hati manusia.'

Jelas Bapa Suci, Kitab Suci menyatakan bahawa hati dilihat sebagai tempat kebebasan dan membuat keputusan, "melambangkan integriti dan perpaduan, sambil juga melibatkan emosi, keinginan, dan impian kita."

"Di atas segalanya, hati adalah tempat dalaman pertemuan kita dengan Tuhan. Dengan kebijaksanaan hati, ia membolehkan kita mengintegrasikan keseluruhan, keputusan kita dan akibatnya, kemuliaan dan kelemahan kita, masa lalu dan masa depan kita, keperibadian kita dan keahlian kita dalam komuniti yang lebih besar," kata Sri Paus.

Bapa Suci menekankan bahawa kebijaksanaan sedemikian tidak boleh dicari dari mesin. Meskipun istilah "kecerdasan buatan" telah menggantikan istilah "pembelajaran mesin". Penggunaan perkataan 'kecerdasan' boleh mengelirukan."

Bapa Suci menjelaskan bahawa bukan sekadar dapat menyimpan data, seperti yang dilakukan oleh mesin, tetapi data ini mesti difahami, dan hanya "manusia sahaja" mampu melakukan ini.

Prelatus itu menyatakan bahawa teknologi simulasi di sebalik algoritma AI memang berguna tetapi dalam bidang tertentu sahaja serta menekankan bahawa penggunaan AI akan "menyimpang apabila ia mengganggu hubungan kita dengan orang lain dan dengan realiti."

Sebenarnya, adalah sangat penting untuk mengetahui bahawa di tangan yang salah, alat sedemikian boleh membawa kepada "senario yang mengganggu.'

AI mesti dikawal, tegas Sri Paus Fransiskus seraya menyeru semua orang untuk berkembang bersama, "dalam kemanusiaan dan sebagai kemanusiaan," sambil mengingati bahawa kita semua dicabar untuk membuat lonjakan kualitatif untuk menjadi "masyarakat yang kompleks, berbilang etnik, majmuk, berbilang agama dan budaya." — media Vatikan

Wanita adalah penenun damai

VATIKAN: Vikaris Tanah Suci, Fr Ibrahim Faltas, menulis artikel untuk L'Osservatore Romano, menegaskan bahawa wanita adalah saksi dan penenun perdamaian yang hebat, kerana dua wanita dibunuh setiap jam di Gaza.

Beliau memetik kata-kata Sri Paus Fransiskus semasa menyampaikan homili pada Misa Hari Perdamaian, Januari 1 yang lalu bahawa "Siapa yang menyakiti seorang wanita, menajiskan Tuhan."

Fr Faltas memikirkan kata-kata Sri Paus itu ketika membaca laporan PBB baru-baru ini bahawa sejak Oktober 7, dua wanita terbunuh setiap jam di Gaza, dan 70 peratus dari kematian tersebut adalah wanita dan kanak-kanak.

Pada Januari 20, seorang wanita

hamil terluka parah akibat pengeboman, doktor berjaya melahirkan bayi tersebut tetapi ibunya menin-

Saya teringat kembali kata-kata Sri Paus: "... mencemarkan Tuhan, kerana Dia dilahirkan dari seorang wanita."

Maria Yang Mahakudus adalah penghubung antara bumi dan syurga: dia mendengarkan dan menerima kehendak Tuhan; dia menerima akibatnya; dia adalah seorang ibu yang penuh perhatian, bijaksana dan menderita.

Sungguh dia adalah teladan bagi seluruh wanita, sama ada yang beriman mahupun tidak beriman, teladan bagi kaum ibu dan wanita hidup bakti!

Fr Faltas mengatakan Bapa Suci

seringkali mengajak kita untuk menghormati peranan wanita baik di Gereja dan masyarakat.

"Saya yakin bahawa wanita dengan kekuatan batin dan dedikasinya terhadap sesama sangat diperlukan untuk membangun perdamaian di dunia.

"Saya melihat dalam diri wanita semangat mereka yang tidak mementingkan diri sendiri, mereka peduli pada setiap aspek kehidupan bersama dan bijak memilih hal-hal baik untuk memperbaiki diri mereka sendiri dan orang lain.

"Kita harus membiarkan diri kita dibimbing oleh hati para ibu dan wanita yang memandang umat manusia dengan penuh perhatian dan diam, yang menawarkan penderitaan mereka demi



kebaikan orang lain, yang merasakan keperluan dan membantu

dengan dedikasi penuh. — media

Konferensi etika penyelidikan perubatan di Vatikan

ROMA: Ketidaksetaraan dalam akses kesihatan dan penyelidikan klinikal harus dicegah, kata Sri Paus Fransiskus kepada para doktor, pengamal kesihatan, penyelidik dan pakar yang menghadiri sebuah konferensi di Vatikan.

Meningkatkan kehidupan dan kesihatan orang lain harus dipandu oleh sikap peduli, tidak tunduk pada "mentaliti pasaran dan teknologi," katanya dalam pesan yang dibacakan kepada peserta konferensi pada Januari 18.

"Kita perlu menyeimbangkan peluang penyelidikan dan kesejahteraan pesakit sehingga biaya yang dikeluarkan untuk penelitian dan akses terhadap manfaat yang dihasilkan dapat diagihkan secara adil," tambahnya.

Pesan Sri Paus Fransiskus itu



ditujukan kepada para ahli dan profesional di bidang kesihatan yang mengambil bahagian dalam konferensi pada Januari 18-19 yang dianjurkan oleh Asosiasi Perubatan Dunia bersama Asosisi Perubatan Amerika (AMA) dan Akademi Kepausan untuk Kehidupan.

Konferensi ini merupakan salah satu dari banyak konferensi yang terlibat dalam pembaharuan dan semakan Deklarasi Helsinki.

Kekejaman eksperimen kesihatan seperti yang dilakukan oleh rejim Nazi terhadap manusia semasa Perang Dunia II yang menghasilkan Kod Nuremberg dan kemudian Deklarasi Helsinki.

Kedua-dua Kod dan Deklarasi ini menghuraikan piawai etika dalam melakukan penyelidikan perubatan yang melibatkan manusia.

Beberapa topik yang dibincangkan dalam konferensi itu ialah penelitian yang dilakukan di kalangan komuniti miskin, akses pasca uji klinikal terhadap ubat-ubatan dan persetujuan bebas ujian klinikal serta penyelidikan. — media

Doa adalah nafas iman di dunia yang dilanda perang

ROMA: Dalam kata-kata pembukaan buku yang diterbitkan Januari 23, Sri Paus Fransiskus menekankan kepentingan berdoa an, "ia hanya boleh digambarkan secara bersungguh-sungguh leb- dalam kesederhanaan di kalangan ih-lebih lagi ketika peperangan mereka yang selalu berdoa." sedang berlaku di seluruh dunia.

Kata-kata pembukaan Sri Paus Fransiksus itu dicatatkan untuk buku "Berdoa Hari Ini. Cabaran untuk Diatasi" karangan Kardinal Angelo Comastri, yang diterbitkan oleh Vatican Publishing House (LEV) sempena Tahun

"Doa adalah nafas iman; ia adalah ungkapan yang paling tepat," tulis Bapa Suci. Tidak mudah untuk mencari kata-kata untuk menjelaskan misteri doa. Walaupun ada banyak definisi daripada orang kudus dan guru kerohani-

Buku Kardinal Comastri adalah yang pertama dalam siri teks ringkas yang ditetapkan untuk diterbitkan sepanjang Tahun Doa.

Bapa Suci berterima kasih kepada pelbagai pengarang siri tersebut yang memberi sumbangan seraya berharap melalui buku itu, pembaca dapat menemui semula keindahan mempercayakan diri kepada Tuhan dengan kerendahan hati dan kegembiraan." media Vatikan

ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Bapa Suci umum bermulanya

Tahun Doa

KOTA VATIIKAN: Sri Paus Fransiskus mengumumkan bermulanya Tahun Doa pada hari Ahad, Januari 21 sebagai persediaan untuk Tahun Jubli 2025 Gereja Katolik.

Dalam ucapan Angelusnya, Sri Paus berkata bahawa Tahun Doa akan menjadi "setahun yang didedikasikan untuk menemui semula nilai besar dan keperluan mutlak untuk doa dalam kehidupan peribadi seseorang, dalam kehidupan Gereja, dan di dunia."

"Saudara dan saudari yang dikasihi, bulan-bulan mendatang akan membawa kita kepada pembukaan Pintu Suci sebagai persiapan Tahun Jubli," kata Sri Paus Fransiskus dari tingkap Istana Apostolik.

"Saya meminta anda untuk memperhebatkan doa anda untuk mempersiapkan peristiwa rahmat ini dengan baik dan mengalami kuasa pengharapan Tuhan. Itulah sebabnya hari ini kita memulakan Tahun Doa"

Sri Paus berkata bahawa Dikasteri untuk Penginjilan Vatikan menerbitkan sumber untuk membantu komuniti Katolik untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam Tahun Doa.

Vatikan dan kota Roma menjangkakan kira-kira 35 juta orang akan berduyunduyun datang ke Kota Abadi untuk Tahun Jubli Harapan 2025 — jubli biasa pertama sejak Jubli Luar Biasa 2000.

Jubli adalah tahun suci rahmat dan ziarah dalam Gereja Katolik. Ia biasanya berlaku setiap 25 tahun, tetapi Bapa Suci boleh menganjurkan tahun jubli luar biasa dengan lebih kerap, seperti Tahun Belas



Gambar file 2025, Sri Paus Fransikus membuka Pintu Suci Basilika Sto Petrus di Vatikan.

Kasihan 2016 atau Tahun Iman 2013.

Jubli berakar dari Kitab Suci. Dalam Kitab Imamat, dinyatakan untuk mengadakan tahun Yobel setiap 50 tahun untuk memperingati pembebasan dari perhabaan dan pengampunan daripada Tuhan yang berbelas kasih. Amalan ini telah dianjurkan semula oleh Sri Paus Boniface VIII pada tahun 1300.

Tahun Jubli 2025 bermula pada Disember 2024 (Malam Krismas), dan berakhir pada Januari 6, 2026.

Pintu Suci adalah acara utama bagi mana-mana jubli. Pintu-pintu ini, ditemui di Basilika Sto Petrus dan basilika utama Roma yang lain, dikunci dari dalam dan dibuka semasa tahun jubli.

Pembukaan Pintu Suci melambangkan

"jalan yang luar biasa" ke arah keselamatan bagi umat Katolik semasa jubli. Penziarah yang berjalan melalui Pintu Suci boleh menerima indulgensi pleno dalam keadaan biasa.

Semasa menyampaikan homili sempena Hari Minggu Sabda Tuhan, Sri Paus Fransiskus mengatakan bahawa "Tuhan suka melibatkan kita dalam pekerjaan penyelamatan-Nya."

"Membawa keselamatan Tuhan kepada semua orang kegembiraan terbesar untuk Yesus. Dan setiap kali kita mewartakan Injil dalam setiap perkataan dan perbuatan kita, ia menawarkan kasih sayang serta cahaya Tuhan berlipat ganda bukan sahaja untuk orang-orang di sekeliling kita tetapi juga diri kita," katanya. — *media Vatikan*

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Katakan tidak pada klerikalisme

Kata yang sering diulang-ulang dan dicemuh pada sinode yang berakhir pada Oktober tahun lalu klerikalisme. Klerikalisme adalah tumor pada Tubuh Mistik Kristus. Ia sering dikecam oleh Sri Paus Fransiskus dan pendahulunya.

Klerikalisme adalah sebuah dosa, sebuah keburukan, sebuah kecenderungan historis yang menyedihkan dalam Gereja, yang harus selalu dilawan.

Klerikalisme adalah racun bagi Gereja; ia sangat bertentangan dengan ajaran Yesus dan orang-orang kudus-Nya. Malah klerikalisme juga terus dikecam dalam sinode umum para uskup ke-16 yang lalu.

Mengapa klerikalisme ini dikatakan racun? Mungkin ilustrasi ini dapat membantu pemahaman anda: Seorang paderi di sebuah paroki begitu berkuasa untuk menentukan dan membuat keputusan. Dengan kata lain, paderi itu tidak memberi kesempatan untuk siapapun menentukan apa yang akan terjadi di paroki. Mengapa demikian, kerana paderi itu menganggap bahawa imamatnya memiliki kuasa untuk menentukan apa yang berjalan di paroki. Dia lupa bahawa ada prinsip subsidiariti atau pembahagian tanggungjawab dalam Gereja.

Contoh lain, seorang paderi memiliki koleksi kamera digital. Dia akan memiliki setiap kali ada keluaran terbaharu. Bagaimana dia memiliki semua kamera mahal itu? Dia membelinya dengan wang atau menggunakan wang hasil stependium Misa.

Dan oleh kerana bangga dengan koleksi kameranya, dia sering memperlihatkan koleksi atau bercakap dengan umat tanpa pernah sedar, pandangan atau penilaian umat tentang hobinya itu.

Dua contoh ini hanyalah sebahagian contoh paderi yang "terjangkit" klerikalisme.

Ketika nilai-nilai selibat tidak dihayati dengan baik dan apabila seorang paderi lupa akan tugas imamatnya, di situlah klerikalisme terjadi.

Seorang paderi yang tidak menampakkan gaya hidup yang sesuai dengan semangat Injil dan lebih parah lagi, mereka tidak menyedarinya, maka di sini terjadilah klerikalisme.

Klerikalisme adalah dosa dan keburukan tetapi imamat adalah suatu kebajikan. Seorang paderi bukanlah seorang bangsawan tetapi dia mempunyai panggilan yang mulia.

Gereja memanggil paderi untuk memperlakukan panggilan imamatnya dengan penuh prihain, bermartabat dan waspada.

Dengan berjalan setiap hari bersama umat yang menderita, meskipun adakalanya dia "diabaikan" atau mungkin berasa "lonely".

Syukurlah, di negara kita, umat sentiasa mencintai, menghargai, dan menghormati para paderi. Kita memanggil paderi dengan gelaran "Father" kerana hormat dan mengasihinya.

Sri Paus Fransiskus selalu mengingatkan para paderi supaya melayani dengan semangat Yesus Kristus yang *pastor bonus*.

Dan sebagai umat, marilah kita berdoa agar para paderi kita dapat menjauhi sikap-sikap klerikalisme dan menjadi penyalur-penyalur berkat serta jamahan kasih Tuhan kepada umat yang dilayani. — pen@Katolik

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Simpan tiga sakramental ini di rumah sebagai perisai kuasa kejahatan

Satu tempat di mana sakramental sangat berkuasa adalah di rumah anda sendiri. Jika digunakan dalam semangat iman, sakramental boleh melindungi kita daripada bahaya rohani atau memberi inspirasi kepada kita untuk menjalani kehidupan suci untuk Tuhan.

Berikut adalah tiga sakramental yang boleh disimpan di rumah bagi membantu pertumbuhan rohani serta menjauhkan kita daripada kuasa kejahatan.

Air berkat (Holy Water)

Air berkat atau *holy water* mempunyai dua makna kepada kita iaitu mengingatkan kita tentang pembaptisan dan mengingatkan kita akan hari kekalahan syaitan (iaitu semasa penyaliban dan kebangkitan Yesus).

Komuniti Kristian zaman dahulu mempunyai "fon air berkat" di dinding rumah. Ia berupa cawan berukiran atau cawan biasa yang menyimpan air berkat, yang kemudiannya boleh digunakan untuk memberkati diri sendiri sepanjang hari.

Ia biasanya ditempatkan di pintu yang menuju ke luar rumah atau di dalam bilik tidur setiap ahli keluarga.

Memberkati diri dengan air berkat mengingatkan kita untuk selalu fokus kepada Kristus dan mengingatkan kita untuk berjaga-jaga terhadap godaan iblis.

Garam yang diberkati

Jika boleh, digalakkan untuk mempunyai bekas kecil garam yang diberkati di rumah anda. Anda perlu meminta secara khusus paderi paroki anda untuk menyediakannya bagi anda kerana ia salah satu sakramental yang sering diabaikan dan biasanya tidak digunakan di paroki.

Walau bagaimanapun, ia adalah senjata ampuh melawan kejahatan seperti yang dapat dilihat dari kata-kata doa pemberkataan oleh paderi yang terdapat Ritual Romawi.

Salib

Salib adalah salah satu sakramental amat

berkuasa untuk disimpan atau dipaku pada dinding rumah kita.

Salib, bukan sahaja mengingatkan kita tentang keagungan kasih Tuhan tetapi ia juga lambang kemenangan terhadap kuasa kegelapan.

Salib adalah kutukan kewujudan Syaitan dan salib adalah tanda segala sesuatu yang dibenci oleh Syaitan.

Sangat baik untuk mempunyai salib di setiap bilik di rumah (atau apartmen) supaya anda sering merenungkan pengorbanan besar kasih Yesus serta mempunyai imej untuk mengingatkan anda apa yang perlu anda fokuskan semasa mengalami percubaan. — *Aleteia*



FIRAL Mingguan Ratolik FRALO

PERMOHONAN DOA SRI PAUS (FEBRUARI)

UNTUK PESAKIT DI AKHIR KEHIDUPAN:

Marilah kita berdoa agar orang sakit yang berada di peringkat akhir kehidupan, dan keluarga mereka, menerima rawatan dan iringan perubatan dan penjagaan manusia yang diperlukan.

Februari 4, 2024

Uskup tiga negara fokus sinodaliti

PULAU PINANG: Perhimpunan Pleno ke-113 Konferensi para Uskup Katolik Malaysia-Singapura-Brunei (CBCMSB) tahun ini merupakan acara yang penting.

Perhimpunan para uskup dan kardinal itu diadakan di Basilika Kecil Sta Anna di Bukit Mertajam pada Januari 8-12, bertepatan dengan Misa kesyukuran untuk Kardinal Sebastian Francis, sempena pengangkatannya ke Kolej Kardinal.

Beberapa orang pemimpin Gereja turut hadir iaitu Nuncio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Załuski; Kardinal Giorgio Marengo, Prefek Apostolik Ulaanbaatar dan Penolong Setiausaha Agung Federasi Konferensi para Uskup Asia (FABC), Fr William La Rousse.

Kardinal Giorgio mengungkapkan penghargaan kepada CBCMSB atas sokongan mereka khususnya ketika Sri Paus Fransiskus berkunjung ke negara itu pada September 2023.

Prelatus itu juga menyampaikan plak kayu berbentuk negara Mongolia kepada CBCMSB dengan ucapan terima kasih dan penghargaan tertulis di atasnya.

Duta Vatikan ke Malaysia pula menyampaikan dorongan dan usa-



Mesyuarat CBCMSB di Pulau Pinang.

ha tanpa jemu Sri Paus Fransiskus dalam menentang peperangan, penderitaan manusia, kematian dan kemusnahan yang berlaku di pelbagai tempat di dunia.

Beliau mengulangi seruan Sri Paus agar Gereja berkomitmen untuk membawa pesan Injil kepada masyarakat dan teguh dalam menegakkan amal pastoral.

Nunsio Uskup Agung Zaluski juga menghargai usaha CBCMSB yang sentiasa bersolidariti dengan Vatikan. Fr William La Rousse, seorang paderi Maryknoll yang bertugas di pejabat Sekretariat Pusat FABC di Bangkok, Thailand, memberikan kemas kini arah dan teras Gereja Asia menuju sinodaliti.

Fr William juga mengingatkan CBCMSB tentang susulan yang diperlukan sebagai persiapan perhimpunan agung Sinode Uskup bahagian dua yang dijadualkan pada Oktober 2024.

CBCMSB juga mengadakan majlis koktel dan makan malam

bersama Konferensi para Pemimpin Umum Religius (CRMS), disusuli sesi pada hari berikutnya.

Pertemuan bersama tahunan ini berfungsi sebagai platform di mana komuniti agama berjalan bersama dengan Gereja – klerus dan awam. Pertukaran idea, perkongsian pengalaman dan sokongan antara satu sama lain adalah salah satu manfaat daripada pertemuan bersama ini.

Bagi sembilan keuskupan di Malaysia, setiap uskup/agung melaporkan tentang Perhimpunan Pastoral Keuskupan Agung/Diosis (APA/DPA) masing-masing yang diadakan pada tahun 2023. Mereka menyampaikan maklum balas positif kaedah perbualan rohani yang telah diperkenalkan pada Perhimpunan Agung Biasa Sinode Uskup ke-16.

Perhimpunan pastoral di setiap keuskupan/agung membawa Tahun 2024 sebagai Tahun Doa di mana tiga wilayah iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan berkumpul untuk perhimpunan wilayah mereka.

Bagi golongan muda Katolik di Malaysia, semasa Tahun Jubli 2025, Perjalanan Salib Malaysia akan bermula selepas Perhimpunan Orang Muda Katolik Malaysia yang dijadualkan pada April 2025.

Perhimpunan ini akan menghimpunkan umat Katolik muda dari semua sembilan keuskupan di Malaysia.

Dan kemuncak bagi semua perhimpunan besar ini ialah Kovensyen Pastoral Malaysia (MPC) 2026 yang dijadualkan diadakan di Johor, serta bakal menyaksikan perhimpunan raksasa para klerus, religius dan awam dari seluruh sembilan keuskupan/agung di Malaysia.

Pesta Sto Nino kali ke-10 di KSFX



KENINGAU: Komiti Filipino paroki Katedral St Francis Xavier (KSFX) merayakan Pesta Sto Nino kali yang ke-10 pada Januari 10, bertempat di Dataran Solidariti Keuskupan Keningau.

Perayaan itu disambut dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius.

Misa Kudus dibanjiri dengan umat yang mengenakan busana tradisional Filipina sambil membawa patung Sto Nino.

Perarakan Misa didahului oleh dengan iringan tarian kaum muda dan kanak-kanak, diikuti usungan yang membawa patung Sto Nino.

Msgr Gilbert dalam homilinya, menyatakan Sto Nino atau "Bayi Yesus" yang dirayakan melambangkan tiga perkara iaitu "kebergantungan" di mana bayi Yesus yang terpaksa bergantung kepada jagaan fizikal oleh kedua ibu-bapa-Nya serta memberi maksud bahawa manusia juga harus bergantung hidupnya kepada Tuhan.

Kedua, adalah "Kerendahan Hati": Kerendahan hati Yesus terserlah apabila Dia sanggup menjadi manusia, melayani semua orang khususnya orang miskin, sakit dan terabai malah sanggup mati di kayu salib demi menebus dosa manusia.

Ketiga, bayi Yesus juga melambangkan "Kesetiaan": Yesus bukan sahaja setia kepada ibu-bapa-Nya di dunia tetapi setia dalam meneruskan misi Bapa-Nya.

Ketiga-tiga perkara ini, kata Msgr Gilbert, "Harus kita hayati dalam merayakan pesta Sto Nino," ujar Msgr Gilbert pada akhir hom-

Di Filipina, perayaan Sto Nino merupakan perayaan penting bermulanya sejarah Khabar Gembira di mana Ferdinand Magellan memberikan patung Sto Nino kepada Rajah Humobon yang memeluk agama Kristian.

Selepas Misa, acara dilanjutkan di Dewan MPP KSFX yang diisi dengan pelbagai acara seperti *Little King & Queen St Nino*, pakaian tradisi tercantik, keluarga contoh dan juga cabutan tiket bertuah.

Perayaan Sto Nino ini akan diteruskan pada tahun hadapan dan kemungkinan disambut dalam skala besar agar komiti-komiti lain juga dapat menyertainya – *Juanis bin*

Legioner berjalan bersama Bonda Maria menuju Yesus

SANDAKAN: Lebih lima puluh ahli Legio Maria menyertai program yang julung kali diadakan selepas pandemik pada Januari 13 lalu.

Rekoleksi Legio Maria diadakan di Bilik Kateketikal, Paroki St Mary, Sandakan.

Para peserta terdiri daripada ahli aktif, auxiliari, ahli percubaan, ahli junior dan pelawat telah mendaftarkan diri dalam program ini.

Kuria (BM) Sandakan iaitu Kuria Ratu Rosari Bonda Penaung selaku penganjur telah menjemput mantan Presiden Kuria, Brother Adaris M. Sintan untuk menyampaikan sesi.

Selepas doa pembukaan oleh Presiden Kuria, Brother Matheus Sodomon, acara diteruskan dengan aktiviti suai kenal dan menjawab kuiz ringkas berkaitan organisasi Legio Maria.

Selepas itu, sesi diteruskan dengan perbincangan kumpulan dan pembentangan laporan kumpulan

Brother Matheus menyampaikan ceramah yang bertajuk "Amanat Suci Sri Paus kepada para Legio Maria".

Beliau merujuk kepada Buku Pegangan Legio tentang amanat suci daripada empat mantan Sri Paus yang memberikan pesan dan berkat apostolik istimewa kepada organisasi Legio Maria yang diasaskan oleh Brother Francis Michael Duff.

Rekoleksi ini juga diisi dengan kesaksian dua orang ahli aktif Legio Maria sesi soal jawab sebelum diakhiri dengan doa penutup dan sesi bergambar. — *Elisabet SM*

